

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PERAYAAN JUBLI PERAK LEMBAGA PELABUHAN KELANG

TEMPAT: PELABUHAN KELANG

TARIKH: 04 SEP 1988

MASA:

Yang Berhormat Dato' Dr. Ling Liong Sik,
Menteri Pengangkutan;
Yang Amat Berhormat Dato' Muhammad bin Taib,
Menteri Besar Selangor;
Yang Berbahagia Dato' Michael Chen,
Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang;
Dif-dif Kehormat;
Kakitangan-Kakitangan Lembaga Pelabuhan
Kelang;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pelabuhan Kelang kerana menjemput saya untuk merasmikan upacara perayaan Jubli Peraknya. Sungguhpun kali terakhir lawatan rasmi saya ke Pelabuhan ini adalah beberapa tahun yang lepas, saya mengikuti perkembangan Pelabuhan Kelang yang merupakan pelabuhan utama negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Pelabuhan di negara ini dan juga di negara-negara lain merupakan satu kemudahan penting kerana ia berperanan sebagai penyambung di antara pengangkutan laut dan pengangkutan darat. Pelabuhan-pelabuhan memainkan peranan utama di dalam saluran perdagangan sesuatu negara kerana 90% daripada perdagangan antarabangsa dikendalikan melalui pengangkutan laut. Kesejahteraan rakyat seluruh negara bergantung kepada kemudahan-kemudahan yang terdapat di pelabuhan-pelabuhan serta kecekapan perkhidmatan pelabuhan negara-negara berkenaan.

3. Demikian pelabuhan memainkan peranan yang penting di Malaysia. Perkembangan perdagangan antarabangsa negara kita terutama sekali eksport bahan-bahan mentah kita seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan sebagainya memerlukan kemudahan-kemudahan pelabuhan. Dengan kesedaran ini Kerajaan telah memberi keutamaan kepada pembinaan infrastruktur pelabuhan-pelabuhan, bukan sahaja kepada pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada seperti Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang, tetapi telah juga membina pelabuhan-pelabuhan baru seperti pelabuhan-pelabuhan Pasir Gudang, Kuantan dan Bintulu. Namun demikian amatlah penting kita tidak menjejaskan pertumbuhan Pelabuhan Kelang sebagai pelabuhan utama kerana kapal-kapal pengangkutan antarabangsa tidak akan berlabuh jika pengumpulan barangan terlalu

sedikit untuk sesebuah kapal. Jika mereka tidak berlabuh di sini maka kos barangan kita akan meningkat dan wang kita akan mengalir keluar negeri untuk bayaran pengangkutan. Peluang pekerjaan juga akan berkurangan.

4. Daripada segi perkapalan pula, Kerajaan adalah 'committed' kepada dasar menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maritim. Dengan yang demikian tindakan-tindakan telah diambil untuk menambahkan bilangan kapal kepunyaan Malaysia terutama sekali oleh MISC. Pihak MISC telah menambah bukan sahaja bilangan kapalnya, tetapi juga jenis-jenis kapal untuk diselaraskan dengan jenis-jenis perdagangan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Sungguhpun kita telah membelanjakan wang yang banyak bagi pembangunan infrastruktur pelabuhan, masih terdapat sebahagian besar daripada perdagangan kita yang disalurkan melalui pelabuhan asing. Amalan para pengimport dan pengeksport menyalurkan kargo mereka melalui pelabuhan negara asing bukanlah disebabkan oleh kurang kemudahan-kemudahan pelabuhan, tetapi adalah berbangkit daripada kekurangan kecekapan yang mungkin terdapat daripada sistem pengendalian kargo di pelabuhan-pelabuhan tempatan berbanding dengan pelabuhan di negara jiran kita. Apa yang diperlukan oleh pengguna-pengguna pelabuhan adalah kepantasan pengendalian kargo melalui sesuatu pelabuhan, tanpa dibebankan dengan prosidur dan sistem yang menyukarkan.

6. Dalam hal ini Kerajaan telah dan akan terus menumpukan perhatian bukan lagi kepada pembinaan kemudahan-kemudahan infrastruktur pelabuhan, tetapi akan lebih menekankan kepada penyatuan dan memperkukuhkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dengan tujuan mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti operasi pelabuhan. Penyatuan atau 'consolidation' kemudahan-kemudahan pelabuhan dapat menyumbangkan kepada penggunaan kemudahan secara optimum yang seterusnya dapat mengurangkan kos unit perkhidmatan kepada pengguna-pengguna. Adalah diharapkan tindakan ini akan dapat memenuhi hasrat kita untuk mempertingkatkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan Malaysia, iaitu menggalakkan perdagangan antarabangsa kita melalui pelabuhan-pelabuhan kita sendiri.

7. Bagi mencapai objektif ini beberapa langkah telah dijalankan. Di antaranya ialah tindakan-tindakan memudahkan dokumentasi-dokumentasi perdagangan, mengkaji semula prosidur-prosidur dan dokumentasi-dokumentasi, termasuklah dokumentasi dan prosidur pelabuhan-pelabuhan. Oleh kerana prosidur dan dokumentasi perdagangan melibatkan agensi-agensi yang lain seperti kastam, imijeresen, dan sebagainya, satu Jawatankuasa Kemudahan Perdagangan atau Trade Facilitation Committee telahpun ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

8. Saya dimaklumkan bahawa Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Pulau Pinang telahpun mengkaji dan memperkenalkan dokumentasi-dokumentasi baru mereka, selaras dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi. Saya juga dimaklumkan bahawa pelabuhan-pelabuhan lain masih di dalam proses mengkaji semula dokumentasi masing-masing, dan kepada mereka, Kerajaan berharap mereka akan memperkenalkan dokumentasi-dokumentasi baru ini dengan secepat mungkin.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Sepertimana kita maklum pelabuhan-pelabuhan beroperasi di bawah suasana sektor awam, dan dengan yang demikian perlu memenuhi kehendak dan peraturan-peraturan sektor awam. Ini secara langsung atau tidak langsung telah menyekat usaha-usaha pengurusan pelabuhan-pelabuhan untuk menjadikan pelabuhan-pelabuhan kita lebih menarik. Ini adalah di antara sebab-sebabnya mengapa Kerajaan telah mengenalpasti pelabuhan sebagai agensi Kerajaan untuk diswastakan.

10. Melalui penswastakan, halangan-halangan daripada sistem birokratik dapat dikurangkan dan seterusnya akan membolehkan agensi-agensi tersebut menyesuaikan operasi mereka dengan mudah serta cepat terhadap kehendak-kehendak pasaran. Apabila Kerajaan memutuskan bahawa terminal kontena Pelabuhan Kelang diswastakan, ini tidak bermakna bahawa Lembaga Pelabuhan Kelang gagal menjalankan tugasnya kerana ianya sentiasa memperoleh keuntungan. Terminal kontena-kontena diswastakan supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih efektif sebagai pelabuhan kontena utama negara ini. Terminal kontena ini amat sesuai diswastakan kerana sistem 'containerisation' memerlukan flexibiliti dan adaptasi yang pantas.

11. Sebagaimana yang tuan-tuan sedia maklum Pelabuhan Kelang akan diswastakan keseluruhannya. Sebenarnya semua pihak termasuk Kerajaan dan pekerja boleh mendapat faedah yang besar daripada penswastakan ini. Tetapi penswastakan dengan sendirinya tidak akan menjamin kejayaan. Semua pihak hendaklah mengelakkan diri daripada sebarang perbuatan yang mengganggu kelicinan khidmat pelabuhan. Jika Pelabuhan Kelang yang diswastakan gagal, maka semua pihak akan menanggung kerugian. Amatlah memalukan jika barangan kita disalurkan melalui pelabuhan asing hanya kerana kita tidak mampu mengadakan khidmat yang efisien.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya percaya pihak pengurusan pelabuhan mempunyai tugas serta masa hadapan yang mencabar terutama untuk mengikuti perkembangan-perkembangan teknologi di bidang pelabuhan dan maritim. Pelabuhan-pelabuhan yang tidak bersedia untuk menerima perubahan akan ketinggalan. Oleh yang demikian sikap dinamis, agresif dan inovatif merupakan ciri-ciri utama yang diperlukan oleh pentadbir-pentadbir pelabuhan, pemilik-pemilik kapal tempatan dan peniaga-peniaga sekiranya

mereka mahu mengambil peluang yang terbuka ini untuk mengekalkan dan untuk membaiki keadaan ekonomi mereka sendiri dan juga ekonomi negara.

13. Pihak pengurusan sekarang ini tidak boleh menumpu perhatian kepada pentadbiran dan operasi pelabuhan sahaja. Mereka juga hendaklah terlibat dengan isu-isu pengangkutan. Keadaan ini tidak dapat dielakkan oleh kerana pelabuhan merupakan sebahagian daripada rangkaian pengangkutan atau 'transportation chain'. Kelemahan di sesuatu bahagian kerap kali membawa kesan ke atas keseluruhan sistem pengangkutan. Oleh itu pengurusan pelabuhan sentiasa dikehendaki peka atau sensitif terhadap isu-isu pengangkutan yang berkait-kaitan.

14. Saya difahamkan bahawa pengurusan pelabuhan sudahpun terlibat dengan isu-isu pengangkutan dengan memainkan peranan aktif menyelaras dan mengurangkan kesesakan kontena di pelabuhan. Di Pelabuhan Kelang, saya dimaklumkan bahawa satu pasukan petugas telahpun ditubuhkan untuk mengkaji cara-cara menghapus kesesakan jangka pendek dan panjang.

15. Mengenai pengangkutan, Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan yang berlaku seperti kesesakan kontena di Pelabuhan Kelang. Baru-baru ini Jemaah Menteri telah bersetuju membenarkan ketiga-tiga syarikat pengangkutan kontena beroperasi di seluruh negara, dan tidak lagi menghadkan kegiatan mereka di kawasan tertentu sahaja, dengan harapan menambahkan alat-alat pengangkutan kontena keluar-masuk pelabuhan. Pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM) juga telah dibenarkan menjadi agen penghantaran barangan yang membolehkan KTM menghubungi pengguna-pengguna tanpa melalui syarikat pengangkutan kontena lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Semenjak beberapa waktu yang lalu pihak pelabuhan telah dapat membina 'expertise' di dalam bidang pengurusan pelabuhan di kalangan pengurusan-pengurusan pelabuhan. Saya rasa usaha perlu diambil untuk mengenalpasti dan mengumpulkan mereka supaya dapat kita mengurangkan pergantungan kita kepada pakar-pakar asing yang selalunya dibayar dengan kos yang tinggi. Sungguhpun Malaysia dianggap sebagai sebuah negara membangun, daripada banyak aspek yang lain kita boleh dianggap sebagai lebih maju daripada beberapa negara lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Kita kerap kali bercakap mengenai pembangunan negara. Bagi kebanyakan daripada kita pembangunan negara bermakna bangunan-bangunan yang indah dan tinggi, jalan-jalan yang luas dan bandar-bandar yang mewah atau rich cities. Kita tidak menafikan bahawa ini adalah hasil pembangunan tetapi yang lebih utama daripada semua ini ialah kesejahteraan hidup rakyat dalam negara yang sudah maju.

18. Dengan perkataan yang lebih tepat lagi kemajuan negara

akan menghasilkan kehidupan yang lebih baik bagi semua rakyat, atau pendapatan yang lebih tinggi bagi mereka. Inilah yang terdapat di kalangan rakyat termasuk pekerja-pekerja di negara-negara yang baru maju (NIC) seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea. Pekerja-pekerja mereka mempunyai duit yang banyak dan taraf hidup mereka ternampak sama dengan taraf hidup golongan pertengahan di negara kita.

19. Tujuan kita membangunkan negara Malaysia adalah untuk meningkatkan taraf hidup semua lapisan rakyat. Apabila rakyat sudah menikmati taraf hidup yang lebih baik, barulah kita boleh berkata negara kita sudah membangun dan maju.

20. Dengan itu semua yang kita usahakan sekarang, semua dasar yang kita bentuk adalah bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat. Pada mulanya mungkin rakyat tidak akan merasai perubahan ini dalam bentuk peningkatan pendapatan, tetapi jika kita tekun melaksanakan dasar-dasar kita, tidak dapat tidak pendapatan akan bertambah seperti di Singapura atau Hong Kong atau Taiwan atau Korea. Yang diperlukan ialah kesabaran buat sementara waktu dan usaha-usaha untuk mewujudkan suasana yang lebih menarik di Malaysia. Inilah pelaburan rakyat untuk masa depan yang lebih bahagia.

21. Oleh itu janganlah kita membuat sesuatu yang menghalang progress kita ke arah negara yang maju kerana akhirnya kitalah yang akan menjadi mangsa kepada halangan yang kita lakukan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

22. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pelabuhan Kelang yang telah menjemput saya ke upacara ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Perayaan Jubli Perak Lembaga Pelabuhan Kelang ini.